

Sidang Kemuncak Kumpulan 20

# Malaysia kongsi idea tangani isu kemiskinan

**Rio De Janeiro, Brazil:** Malaysia akan berkongsi pandangan mengenai inisiatif dalam menangani isu kemiskinan, ketidaksetaraan dan reformasi sistem pemerintahan global sempena Sidang Kemuncak Kumpulan 20 (G20) yang sedang berlangsung di Brazil.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang dijadual berkongsi pandangan itu, berkata Malaysia juga berhasrat memajukan kerjasama ekonomi bersama G20.

“(Selain itu) menggalakkan kesejahteraan dan pembangunan inklusif serta reformasi tabir urus global,” katanya dalam kenyataan menerusi Facebook semalam.

Terdahulu beliau selamat tiba di Rio de Janeiro, Brazil pada jam 10.24 malam, 16 November (waktu Malaysia 9.24 pagi, 17 November) bagi memulakan lawatan kerja dan menghadiri Sidang G20.

Ketibaannya diiringi Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hassan dan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku



Anwar tiba di Rio de Janeiro, Brazil untuk lawatan rasmi dan menghadiri sidang kemuncak G20 atas jemputan Presiden Brazil, Luiz Inacio Lula da Silva. (Foto BERNAMA)

Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Dalam lawatan itu, Anwar memaklumkan, beliau dijadual mengadakan pertemuan dengan Presiden Brazil, Luiz Inacio Lula da Silva serta beberapa pemimpin negara anggota yang lain.

“Delegasi Malaysia juga akan bertemu komuniti perniagaan

di Brazil. Insya-Allah, doakan semua urusan dipermudah,” katanya.

Selain Malaysia, 16 negara lain, termasuk Chile, Qatar, Mesir, Singapura, Sepanyol, Emiriah Arab Bersatu dan Vietnam adalah antara negara yang dijemput untuk menghadiri Sidang Kemuncak G20.

G20 terdiri daripada 19 negara dan dua kesatuan iaitu Argentina, Australia, Brazil, Kanada, China, Perancis, Jerman, India, Indonesia, Itali, Jepun, Mexico, Rusia, Arab Saudi, Afrika Selatan, Korea Selatan, Turkiye, United Kingdom, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah (EU dan Kesatuan Afrika (AU).